



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 50 (11 DISEMBER – 17 DISEMBER 2022)

Pada Minggu Epidemiologi ke-50 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 1,950 kes berbanding 1,871 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 79 kes (4.2%). Lima (5) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-50 tahun 2022.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 62,060 kes berbanding 25,161 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 36,899 kes (146.7%), Manakala sejumlah 49 kematian akibat komplikasi denggi telah dilaporkan berbanding 19 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021, iaitu peningkatan sebanyak 30 kematian (157.9%). **(Lampiran A & C).**

Sebanyak 58 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 55 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 32 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor, 16 lokaliti di Sabah, enam (6) lokaliti di WPKL & Putrajaya dan empat (4) lokaliti di Pulau Pinang. **(Lampiran B & D).**

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak 22 kes pada minggu ke-50 dengan 12 kes dari Pulau Pinang, lima (5) kes dari Perak, dua (2) kes dari Negeri


Sembilan dan masing-masing satu (1) kes dari Selangor, Melaka serta Terengganu. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 785 kes **(Lampiran E)**. Bagi surveilan zika, sebanyak 2,132 sampel darah dan 18 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Semua lapisan masyarakat perlu berganding bahu dalam usaha mengurangkan kejadian kes demam denggi yang semakin meningkat di Malaysia terutamanya semasa dan selepas kejadian banjir. Semasa bencana banjir, semua pihak yang menggunakan pusat pemindahan sementara (PPS) perlu bersama-sama menjaga kebersihan dan membuang sampah di tempat yang telah disediakan. Bagi mencegah gigitan nyamuk, pakai pakaian berlengan panjang dan berseluar panjang semasa berada di PPS dan pakai bahan repelan pada anggota badan yang terdedah.

Selepas banjir surut, lakukan aktiviti gotong-royong untuk menjaga kebersihan rumah dan persekitarannya serta lupuskan barang yang tidak digunakan lagi di tempat yang telah disediakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Sampah yang tidak diuruskan dengan baik akan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes kerana nyamuk Aedes hanya memerlukan air yang minima untuk bertelur. Persekitaran bersih, nyamuk tersisih. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH


Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
22 Disember 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-49 dan ke-50 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-50 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021




Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan Demam Denggi Malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021




Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-50 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 50/2022**(11 Disember hingga 17 Disember 2022)**


Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 50/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 50/2021	
		Minggu 50 (11 Dis – 17 Dis 2022)		Minggu 49 (4 Dis – 10 Dis 2022)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	15	0	9	0	146	1	20	0
2	Kedah	31	0	44	0	1,373	2	560	1
3	P. Pinang	112	0	95	0	1,347	1	387	0
4	Perak	55	0	48	2	1,276	3	534	1
5	Selangor	960	2	902	1	35,462	11	15,010	2
6	WP KL & Putrajaya	201	0	188	0	6,360	5	2,982	2
7	N. Sembilan	65	0	65	0	1,913	2	609	1
8	Melaka	23	0	18	0	616	1	591	0
9	Johor	152	2	172	1	3,924	6	1,710	5
10	Pahang	29	0	30	0	922	1	421	2
11	Terengganu	9	0	4	0	238	1	47	0
12	Kelantan	43	0	48	0	1,174	4	215	0
13	Sarawak	19	0	7	1	655	2	395	0
14	Sabah	234	1	241	0	6,626	9	1,675	5
15	WP Labuan	2	0	0	0	28	0	5	0
	MALAYSIA	1,950	5	1,871	5	62,060	49	25,161	19




Selangor




WPKL & Putrajaya




Johor




Sabah




Kelantan




Pulau Pinang




Perak




Negeri Sembilan




Kedah




Melaka




Pahang




Sarawak



Terengganu



Perlis



Labuan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 50/2022
(11 Disember hingga 17 Disember 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SABAH	Sandakan	Taman Mesra	41	122
2	SABAH	Kota Kinabalu	Indah Permai	49	86
3	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 9 (Kondo Sri Mahligai & Townhouse Sri Mahligai)	32	83
4	SABAH	Kota Kinabalu	Kg. Sembulan Lama	21	80
5	SABAH	Sandakan	Taman Lucky	29	72
6	SABAH	Sandakan	MPS Flat Karamunting	43	69
7	SABAH	Sandakan	Kem Tentera	19	66
8	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Dahlia Tbr Bb	23	63
9	SABAH	Sandakan	Flat Taman Sejati	25	62
10	SABAH	Kota Kinabalu	Pulau Penampang	15	59
11	SABAH	Sandakan	Taman Bahagia	18	58
12	SABAH	Sandakan	Taman Mawar - Sendang	68	57
13	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Lestari Putra (Lep 3)	10	56
14	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Puncak Jalil 5 (Jln PUJ 5/1-5/10)	13	52
15	WPKL & P	Cheras	Desa Tasik Awam (Blok 2,4,6)	16	51
16	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJS 10 Suria Mas Kondo	35	48
17	WPKL & P	Titiwangsa	PPR Air Panas (Blok A,B,C,D)	16	47
18	SABAH	Sandakan	Taman Megah Jaya	12	46
19	SELANGOR	Petaling	E3. Seksyen 26 (Flat PPRT Blok A,B,C)	10	45
20	SELANGOR	Petaling	E13. Tmn Pinggiran USJ 1	9	45
21	P PINANG	Seberang Perai Tengah	Taman Impian Indah Zon B	14	45
22	SELANGOR	Hulu Selangor	Jalan Inai, Bb	18	44

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
23	SABAH	Sandakan	Kampung Bahagia	19	44
24	SABAH	Lahad Datu	Kg Desa Bajau	13	44
25	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Putri Court Taman Putra	14	43
26	WPKL & P	W/P Putrajaya	Presint 17 - Blok EFG Parcel RK1	14	42
27	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Subang Bestari Teres B : Jln U5/64 - U5/70)	24	41
28	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 6 Bandar Rinching	8	41
29	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJS 8 Mentari Court	11	40
30	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Uda Jaya	12	40
31	SELANGOR	Hulu Langat	Embun Residence Taman Puncak Saujana	5	40
32	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Anggerik Tbr Bb	20	40
33	SABAH	Kota Kinabalu	Kg. Likas Lama	13	40
34	SELANGOR	Petaling	E6. BI PJU 10 Armanee Kondo	13	39
35	WPKL & P	W/P Putrajaya	Presint 17- Blok A B C D Parcel 17RK1	13	38
36	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/11 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	8	38
37	P PINANG	Seberang Perai Tengah	Taman Permata Indah	9	38
38	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Langat Murni	18	37
39	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Mawar Prima Beruntung	5	37
40	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 7 (Pusat Komersil A : Jln AA 7/AA-AC 7/AC , T 7/T- Z 7/Z)	4	35
41	SABAH	Putatan	Kg. Sendil	34	35
42	SABAH	Lahad Datu	Taman Sri Perdana	9	35
43	WPKL & P	Titiwangsa	Genting Court Kondo	10	34
44	SELANGOR	Klang	Taman Radzi 01	5	34
45	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Kasuarina	5	34
46	WPKL & P	Titiwangsa	Taman Danau Kota (Kondo Platinum Vic Lake 10)	6	33

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
47	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT 1 Blok (G, H)	7	33
48	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Klang Villa	4	33
49	SELANGOR	Petaling	E11. Sri SS 7 Shang Villa	16	33
50	P PINANG	Seberang Perai Tengah	Taman Bukit	37	33
51	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 20 (Flat A : Blok 1 - 4)	7	32
52	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Puchong Utama (Jln PU 8)	7	32
53	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Kesuma 1/2-1/12 (Genap) Bandar Tasik Kesuma	6	32
54	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	8	32
55	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Puchong Indah 2 (Jln Indah 2)	6	32
56	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 30	4	31
57	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 6/1 (Subang Perdana Goodyear Court 1) Blok A, B, C, D, E, F, G, H, I, J, K, L	6	31
58	P PINANG	Seberang Perai Tengah	Flat Kota Permai	10	31

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 50/2022
(DARI 11 DISEMBER HINGGA 17 DISEMBER 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 50/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 50/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 50/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 50/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	3	3
2	Kedah	0	0	35	139	140
3	P. Pinang	12	2	104	75	77
4	Perak	5	0	16	180	180
5	Selangor	1	12	240	321	339
6	WP KL & Putrajaya	0	12	255	476	490
7	N. Sembilan	2	2	78	19	22
8	Melaka	1	0	9	28	29
9	Johor	0	0	4	97	97
10	Pahang	0	0	3	0	0
11	Terengganu	1	0	1	0	0
12	Kelantan	0	0	39	55	55
13	Sarawak	0	0	1	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	22	28	785	1,393	1,432